

# Wakil rakyat hilang kelayakan

KUALA LUMPUR, Rabu — Ketiadaan peruntukan yang menghalang Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan dan bertanding semula di kawasan yang dikosongkan, membolehkan mereka mempertahankan kawasan yang sama semata-mata menguji atau membuktikan populariti. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata apabila ini dilakukan, banyak masa, tenaga dan wang terbuang, tetapi rakyat dan negara tidak mendapat sebarang faedah.

Berucap membentangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1990, beliau berkata, untuk tujuan menghalang perletakan jawatan itu, pindaan dicadangkan kepada Perkara 48 dan Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata, mengikut Fasal (6) yang dicadangkan untuk dimasukkan dalam Perkara 48 itu, seseorang yang meletakkan jawatannya sebagai Ahli Parlimen akan hilang kelayakan untuk menjadi Ahli Dewan Rakyat.

"Mengikut Seksyen 6 yang di-

BN 15 MAR 1990  
Cadangkan dimasukkan dalam Jadual Kelapan pula, seseorang yang meletakkan jawatan sebagai Ahli Dewan Negeri akan hilang kelayakan untuk menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri.

"Tempoh kehilangan kelayakan itu ialah lima tahun yang dikira dari tarikh perletakan jawatan," katanya.

Mengenai penambahan bilangan anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan pula, Perdana Menteri, berkata tidak ada jalan lain untuk berbuat demikian, kecuali

dengan meminda Fasal (4) Perkara 139 dan Fasal (2) Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan.

Menurutnya, dengan pindaan itu anggota kedua-dua suruhanjaya itu dapat ditambah menerusi perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.

"Peruntukan itu adalah sama dengan peruntukan dalam Fasal (1) Perkara 122A Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan bilangan Hakim Mahkamah Tinggi ditambah menerusi perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong," katanya.